

Soalan Lazim untuk BizMula-*i* dan BizWanita-*i* dengan penyaluran melalui dana BNM untuk PKS

No.	Soalan	Jawapan
1.	Siapakah yang layak untuk memohon BizMula- <i>i</i> dan/ atau BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS?	<p>i) Perniagaan yang diklasifikasikan sebagai PKS yang menepati definisi Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK); dan</p> <p>ii) Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau pihak berkuasa/ pejabat daerah di Sabah dan Sarawak; atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan professional; dan</p> <p>iii) Pegangan saham oleh Syarikat Awam Tersenarai dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak melebihi 20%; dan</p> <p>iv) Perniagaan dimiliki dan dikuasai oleh warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia dan memiliki minima 51% pegangan saham dalam PKS.</p> <p>Syarat-syarat yang dinyatakan diatas hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh pembiayaan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan perubahan kadar keuntungan efektif atau kemudahan pembiayaan akan ditarik balik.</p>
2.	Adakah individu berkelayakan untuk memohon BizMula- <i>i</i> dan/ atau BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS?	Tidak. BizMula- <i>i</i> dan/ atau BizWanita- <i>i</i> hanya ditawarkan kepada perniagaan yang telah berdaftar dengan SSM; atau pihak berkuasa/ pejabat daerah di Sabah dan Sarawak; atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan professional.
3.	Apakah keperluan minima bagi permohonan untuk BizMula- <i>i</i> dan/ atau BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS?	<p>Keperluan minima adalah seperti berikut:</p> <p>i) Perniagaan telah didaftarkan dan/ atau beroperasi kurang dari 4 tahun;</p> <p>ii) Kakitangan utama/ pengganti hendaklah berumur sekurang-kurangnya 21 tahun semasa permohonan dan tidak melebihi 65 tahun semasa tarikh penyelesaian pembiayaan;</p> <p>iii) Dana pemegang saham atau modal berbayar minima sebanyak RM20,000.</p>
4.	Jika saya mempunyai pembiayaan sedia ada dengan CGC, bolehkah saya memohon untuk pembiayaan BizMula- <i>i</i> dan/ atau BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS?	Ya, tetapi kelulusan untuk permohonan pembiayaan BizMula- <i>i</i> dan/ atau BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS tertakluk kepada kriteria kelayakan dan penilaian oleh CGC.
5.	Apakah jumlah minima dan maksima pembiayaan bagi BizMula- <i>i</i> dan BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS?	<p>Jumlah minima: RM30,000</p> <p>Jumlah maksima: RM300,000</p>

No.	Soalan	Jawapan
6.	Apakah tempoh maksima pembiayaan bagi BizMula- <i>i</i> dan BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS?	Tempoh maksima pembiayaan adalah sehingga 5 tahun.
7.	Apakah kadar keuntungan efektif bagi BizMula- <i>i</i> dan BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS?	<p>a) BizMula-<i>i</i> = 7.00% setahun</p> <p>b) BizWanita-<i>i</i> = 6.80% setahun</p> <p>Kadar keuntungan efektif adalah berdasarkan garis panduan BNM dan tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara BNM dan/ atau CGC.</p> <p>Kadar keuntungan efektif adalah untuk pembiayaan yang diserahkan oleh pelanggan dan diluluskan oleh CGC dan BNM dari 6 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020.</p>
8.	Adakah kedua-dua pembiayaan BizMula- <i>i</i> dan BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS merupakan pembiayaan konvensional atau Islamik? Sekiranya pembiayaan Islamik, apakah asas prinsip Syariah yang berkenaan?	Ya, kedua-dua pembiayaan BizMula- <i>i</i> dan BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS merupakan pembiayaan Islamik. Prinsip Syariah adalah berasaskan Komoditi Murabahah.
9.	Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar oleh pelanggan untuk BizMula- <i>i</i> dan BizWanita- <i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS?	<p>Yuran dan caj seperti berikut akan ditanggung oleh pelanggan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Duti Setem seperti yang termaktub pada Akta Setem 1949 (Disemak 1989); ii. Kos dan caj yang berkaitan dengan dokumentasi pembiayaan
10.	Apakah perbezaan BizWanita- <i>i</i> dan BizMula- <i>i</i> ?	BizWanita- <i>i</i> hanya ditawarkan kepada syarikat atau perniagaan yang mempunyai sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dimiliki oleh kaum wanita dan kakitangan utama terdiri daripada golongan wanita ketika permohonan dibuat.
11.	Bolehkah saya membuat pembiayaan semula untuk pembiayaan CGC yang sedia ada melalui BizMula- <i>i</i> dan/ atau BizWanita- <i>i</i> ?	<p>Tidak.</p> <p>BizMula-<i>i</i> dan/ atau BizWanita-<i>i</i> melalui dana BNM untuk PKS adalah disediakan untuk tujuan modal kerja dan/ atau perolehan aset. Pembiayaan ini tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Pembelian saham; ii) Pembiayaan semula kemudahan kredit/ pembiayaan sedia ada; iii) Pembelian tanah/ pelaburan hartanah; iv) Pembelian hartanah perniagaan; v) Pembangunan hartanah; vi) Pelaburan oleh syarikat pegangan pelaburan;

No.	Soalan	Jawapan
		vii) Aktiviti yang melibatkan wang sebagai stok dagangan (termasuk kredit, pajakan, pemfaktoran dan perniagaan insurans); viii) Perjudian, alkohol, tembakau atau aktiviti dan produk jenis lain yang seumpamanya; ix) Aktiviti perniagaan yang tidak patuh Syariah.
12.	Adakah saya akan dimaklumkan jika permohonan saya telah diluluskan atau ditolak?	Ya, CGC akan memaklumkan pemohon yang berjaya untuk menerima surat tawaran bagi permohonan yang telah diluluskan. Jika permohonan ditolak, pemohon akan dimaklumkan dengan sewajarnya.
13.	Setelah tawaran pembiayaan diterima, bilakah jumlah pembiayaan akan disalurkan dalam akaun?	Penyaluran jumlah pembiayaan ke dalam akaun pelanggan adalah tertakluk kepada kelulusan dari BNM dan kelengkapan dokumentasi. Jika permohonan ditolak oleh BNM, penyaluran pembiayaan dalam akaun pelanggan tidak akan diteruskan.
14.	Bagaimanakah saya membuat pembayaran ansuran bulanan untuk pembiayaan ini?	Pelanggan mestilah mendaftar untuk kemudahan arahan tetap dengan Maybank Islamic Berhad bagi tujuan pembayaran ansuran bulanan pembiayaan BizMula-i dan BizWanita-i masing-masing dengan tarikh pembayaran pada 25 haribulan pada setiap bulan.
15.	Bilakah bayaran ansuran bulanan pertama akan bermula?	Bayaran ansuran bulanan pertama adalah berdasarkan kepada kitaran berikut: i) Penyaluran pembiayaan sehingga tarikh 15 haribulan: *Bulan sama (Hujung bulan); ii) Penyaluran pembiayaan selepas tarikh 15 haribulan: *Bulan berikutnya (Hujung bulan). *Tarikh efektif pembayaran untuk arahan tetap setiap bulan adalah pada 25 haribulan.
16.	Bolehkah saya membuat pembayaran pendahuluan semasa tempoh pembiayaan?	Tidak.
17.	Bolehkah saya membuat perlangsaian awal sebelum tempoh matang pembiayaan?	Ya. CGC akan memberikan ibra' kepada pelanggan yang membuat perlangsaian sebelum tempoh matang pembiayaan (seperti yang dinyatakan dalam perjanjian kemudahan).
18.	Jika saya berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut atau memohon untuk BizMula-i dan/ atau BizWanita-i melalui dana BNM untuk PKS, di manakah saya boleh melakukan rujukan?	Sila mengunjungi mana-mana cawangan CGC yang berdekatan (https://www.cgc.com.my/cgc-branches/) atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami (https://www.cgc.com.my/client-service-centre/).